



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

***“ MAJLIS PRA-PELANCARAN CABUTAN
BERTUAH BELANJA DAN MENANG
PROGRAM JUALAN MALAYSIA TAHUN 2022 ”***

26 JULAI 2022 (SELASA)

IOI CITY MALL, PUTRAJAYA

Yang Berbahagia Tuan Azman bin Mohd. Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal
Pengguna (KPDNHEP)

Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin
Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri),
KPDNHEP

Yang Berusaha Encik Chris Chong
Ketua Peruncitan
IOI City Mall Sdn. Bhd.

Pegawai-Pegawai Kanan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

Wakil-wakil media dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-
Puan yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berhimpun pada majlis hari ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua wakil pemain industri sektor peruncitan dan sahabat media kerana sudi hadir bersama. Penghargaan juga khusus buat pihak IOI City Mall Sdn. Bhd atas kesudian menjadi tuan rumah kepada **Majlis Pra-**

**Pelancaran Cabutan Bertuah “Belanja dan Menang”
Program Jualan Malaysia (PJM) Tahun 2022** yang julung
kalinya diadakan pada hari ini.

2. Seperti yang kita sedia maklum, sejak hampir dua (2) tahun yang lalu, industri peruncitan di negara ini telah berdepan tempoh yang sangat mencabar akibat pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara.
3. Pada hari ini, Alhamdulillah, kita telah berjaya melepasi tempoh kritikal itu dan sektor ekonomi dalam negara telah kembali rancak dan mencatatkan pertumbuhan yang sangat memberangsangkan hasil daripada usaha-usaha pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan.
4. Salah satu usaha pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ialah Program Jualan Malaysia (PJM 2022) yang dilaksanakan sejak tahun 2020 bagi memacu pertumbuhan sektor peruncitan yang terkesan dengan pandemik COVID-19. **Bagi tahun 2022 ini sahaja, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta di bawah Bajet 2022 khusus untuk pelaksanaan PJM yang bertujuan**

untuk pemulihan (*recovery*), menghidupkan semula (*revive*) dan seterusnya merancakkan (*revitalise*) sektor peruncitan dalam negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. PJM yang dilaksanakan KPDNHEP ini bergerak menerusi lapan (8) Program Utama bermula bulan Januari hingga Disember 2022, dengan menawarkan jualan murah yang merangkumi Segmen Musim Perayaan, Segmen Jualan Mega, Jualan Akhir Tahun dan Segmen Jualan Khusus di seluruh negara dan menyasarkan capaian nilai jualan sektor peruncitan sebanyak RM 500 billion untuk tahun 2022.
6. Melalui PJM 2022 ini KPDNHEP juga telah memperkenalkan inisiatif jualan murah “***Sepanjang Tahun di Seluruh Negara***” dengan menggalakkan, memudah cara dan mempromosi premis peruncitan yang mengadakan jualan murah. Melalui inisiatif ini, kementerian telah melonggarkan syarat-syarat Notis Jualan Murah bagi membolehkan peniaga mengadakan jualan murah tanpa had masa berbanding hanya empat kali setahun sahaja sebelum ini.

7. Selain itu, melalui pindaan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 2019 peniaga juga tidak lagi perlu menunggu kelulusan daripada kementerian untuk mengadakan jualan murah dan hanya perlu mengemukakan makluman melalui permohonan atas talian Sistem Notis Jualan Murah KPDNHEP, 24 jam sebelum mengadakan jualan murah. Pemakluman ini penting bertujuan menjaga ekosistem aktiviti jualan murah dan memudahkan pemantauan serta penguatkuasaan demi memelihara kepentingan pengguna.
8. Inisiatif ***Ease of Doing Business*** ini telah menunjukkan kesan yang sangat positif kepada landskap pemulihan sektor peruncitan dan telah membantu mempercepatkan pertumbuhan semula ekonomi domestik.
9. Untuk makluman hadirin sekalian, **setakat 1 Januari hingga 30 Jun 2022 sebanyak 7,035 Notis Jualan Murah dan 210,491 premis telah mengadakan jualan murah di seluruh negara** berbanding 180,756 premis bagi sepanjang tahun 2019. Jumlah tersebut menjadi penanda aras yang sangat baik bagi menggambarkan pemulihan sektor peruncitan. **Kementerian yakin dengan sokongan semua pemain industri, sasaran 300,000 premis mengadakan jualan murah bagi tahun 2022 akan**

tercapai, sekaligus memberi lebih pilihan penjimatan kepada pengguna untuk perbelanjaan keluarga.

10. Usaha berterusan daripada semua pihak ini juga telah menunjukkan kesan positif kepada pertumbuhan sektor peruncitan. **Bagi bulan Mei 2022, sektor pemborongan dan peruncitan telah mencatatkan pertumbuhan 19.9% yang merupakan pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2013 dengan nilai jualan sebanyak RM129.8 billion.** Pertumbuhan yang sangat memberangsangkan ini menunjukkan permintaan dalam negara semakin mengukuh dan rakyat Malaysia masih boleh berbelanja walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang mencabar mutakhir ini.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

11. Selari peralihan ke fasa endemik, bagi mengharmonikan lagi pertumbuhan sektor ini dan menggalakkan lebih banyak premis mengadakan jualan murah di seluruh negara, kementerian akan melaksanakan promosi **Cabutan Bertuah “Belanja Dan Menang”** **Program Jualan Malaysia 2022** bermula **1 Ogos** hingga **31 Disember 2022** dengan tawaran hadiah yang sangat menarik iaitu **hadiah utama berupa sebuah kereta Proton X50** menanti pengguna yang bertuah. Pengguna

juga berpeluang memenangi Perodua Ativa, selain motosikal Yamaha Y15, perabot, barangan elektrik, peralatan telekomunikasi dan baucer beli belah.

12. Promosi **Cabutan Bertuah “Belanja dan Menang” Program Jualan Malaysia 2022** ini merupakan strategi kementerian untuk meningkatkan penyertaan pemain industri bagi mengadakan lebih banyak jualan murah di seluruh negara, yang akan dapat membantu mengurangkan kos belanja dan meringankan tekanan Keluarga Malaysia, khususnya dalam mendepani cabaran inflasi ketika ini. Selain itu kementerian dalam masa sama ingin **menggalakkan orang ramai menggunakan aplikasi MySales Tracker** yang diperkenalkan oleh kementerian. Melalui usaha ini kementerian yakin rakyat akan mendapat lebih banyak manfaat apabila berbelanja.

13. KPDNHEP juga melalui pelbagai inisiatif berterusan lain sentiasa agresif melaksanakan usaha untuk membantu rakyat menangani kesan inflasi melalui pelaksanaan program seperti Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang akan diteruskan sehingga hujung tahun ini. Untuk itu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pemain industri dari setiap peringkat sama

ada pengeluar, pemborong dan peruncit yang sentiasa menyokong segala usaha kementerian ini. **Syabas dan terima kasih saya ucapkan.**

Hadirian sekalian,

14. Ingin saya kongsi, **Cabutan Bertuah “Belanja dan Menang” Program Jualan Malaysia** yang dianjurkan oleh kementerian ini akan **dilaksanakan melalui enam (6) siri cabutan di seluruh negara.** Orang ramai yang berbelanja melebihi RM100 dalam satu resit layak untuk menyertai cabutan bertuah ini dengan mengemukakan penyertaan melalui pautan di aplikasi **MySales Tracker**. Selain menyertai Cabutan Bertuah ini pengguna juga akan mendapat banyak manfaat melalui aplikasi MySales Tracker yang dibangunkan oleh kementerian terutama untuk mendapatkan maklumat lokasi terkini jualan murah yang sedang berlangsung. Aplikasi ini juga telah ditambah baik untuk keselesaan dan kemudahan pengguna mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti jualan murah.
15. Di sini saya juga ingin mengambil peluang menggalakkan pengguna untuk memanfaatkan aplikasi **Price Catcher** yang disediakan kementerian. Menerusi aplikasi ini,

pengguna dapat membuat perbandingan harga lebih 400 barang keperluan utama sebelum membuat pembelian. Aplikasi ini dapat menjimatkan masa dan kos untuk membuat perbandingan harga antara premis dengan hanya klik di hujung jari, seterusnya merancang pembelian di premis yang menawarkan harga paling berpatutan. Mudah, pantas dan efektif untuk penjimatan perbelanjaan pengguna.

16. Saya juga ingin mengalu-alukan sokongan dan kerjasama daripada pemain industri untuk bersama-sama mempromosi dan membantu mengoptimumkan penggunaan dua aplikasi ini, **MySales Tracker dan Price Catcher**. Kementerian sedia menambah baik aplikasi ini dari semasa ke semasa dan berintegritas dengan pemain industri kerana apa yang penting dan menjadi matlamat utama ialah pengguna menerima manfaat terbaik daripada usaha ini.
17. Kementerian berharap usaha yang dilaksanakan ini dapat menggalakkan rakyat Malaysia terus berbelanja dengan memperolehi ganjaran tambahan atau nilai tambah. Pengguna juga, khususnya boleh mengambil kesempatan ini untuk berbelanja dengan harga yang berpatutan di premis yang mengadakan jualan murah di seluruh negara

di samping berpeluang merebut ganjaran istimewa melalui cabutan bertuah ini.

18. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke **Majlis Pra-Pelancaran Cabutan Bertuah “Belanja dan Menang” Program Jualan Malaysia** pada hari ini. Saya berharap, kesinambungan PJM ini akan dapat membantu pengguna mendapatkan barangan pada harga yang berpatutan di lebih banyak premis dan dalam masa sama terus memacu kelestarian pertumbuhan ekonomi negara.
19. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya** merasmikan **Pra-Pelancaran Cabutan Bertuah Belanja dan Menang Program Jualan Malaysia Tahun 2022** pada hari ini.

Sekian, terima kasih.